

BAB 4 Cuaca dan Iklim di Malaysia

Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
2.2 Cuaca dan Iklim di Malaysia		2.2.1 Mengenal pasti jenis dan ciri iklim di Malaysia 2.2.2 Menjelaskan ciri iklim Khatulistiwa di Malaysia		Soalan 1 TP1 Soalan 2 TP2 Soalan 3 TP2		32 - 33
		Buku Teks m.s 50-54				
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, peta Malaysia, peta dunia		Hot Seat		Menganalisis		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar, patriotisme		Peta pokok		Bertanggungjawab, kasih sayang		
Cadangan PdPc						
1. Guru bertanya kepada murid jika mereka boleh mengenal pasti jenis iklim di Malaysia. 2. Murid dijangka memberi jawapan iklim Khatulistiwa. 3. Berdasarkan peta dunia, guru menunjukkan taburan kawasan di dunia yang mengalami iklim Khatulistiwa. 4. Guru menerangkan ciri-ciri iklim Khatulistiwa berpandukan huraian tentang tiga faktor utama, iaitu suhu, hujan dan angin berdasarkan rajah dan peta dalam buku teks halaman 51 hingga 54. 5. Guru menunjukkan peta taburan hujan di Malaysia. 6. Murid menjawab soalan 1, soalan 2 dan soalan 3 dalam buku Power Up Geografi halaman 32 dan 33. 7. Guru memberikan murid masa selama lima minit untuk membaca nota semula. 8. Guru memilih seorang murid ke hadapan kelas. 9. Murid duduk di kerusi yang disediakan dan menjadi ‘pakar’. 10. ‘Pakar’ ini menjawab semua soalan yang dikemukakan oleh murid lain berkaitan dengan tajuk jenis dan ciri iklim di Malaysia.						

Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
2.2 Cuaca dan Iklim di Malaysia		2.2.3 Menghuraikan pengaruh cuaca dan iklim terhadap kegiatan manusia di Malaysia		Soalan 4 TP3 Soalan 5 TP3 Soalan 6 TP3 Soalan 7 TP4		34 - 35
		Buku Teks m.s 55-57				
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, foto kegiatan pertanian, perikanan dan pelancongan		Rotating Review		Menilai		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar, patriotisme		—		Cintai Malaysia, kasih sayang, bertanggungjawab		
Cadangan PdPc						
1. Guru meminta murid menyenaraikan kegiatan manusia yang utama di Malaysia. 2. Guru berbincang dengan murid tentang faktor cuaca dan iklim yang mempengaruhi kegiatan pertanian, perikanan, pembalakan dan pelancongan di Malaysia. 3. Murid menjawab soalan 4, soalan 5, soalan 6 dan soalan 7 dalam buku Power Up Geografi halaman 34 dan 35. 4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 5. Setiap kumpulan membincangkan tajuk pengaruh cuaca dan iklim terhadap kegiatan manusia di Malaysia. 6. Setiap kumpulan hanya memilih satu jenis kegiatan manusia. 7. Hasil perbincangan dicatatkan di atas kertas sebak dan dipaparkan di tempat kumpulan masing-masing. 8. Setiap kumpulan bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan yang lain untuk membuat penilaian hasil kerja setiap kumpulan. 9. Setiap kumpulan membuat komen, memberi idea tambahan atau persoalan pada kertas berkenaan menggunakan pen yang berbeza. 10. Guru menilai hasil kerja setiap kumpulan.						

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)					
2.2 Cuaca dan Iklim di Malaysia	2.2.4 Menilai kesan kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim di Malaysia	Buku Teks m.s 58-61	Soalan 8 Soalan 9 Soalan 10 Soalan 11	TP5 TP5 TP5	36 - 37
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, foto pelbagai kegiatan manusia		Peta i-THINK	Menganalisis		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		Peta pelbagai alir	Bertanggungjawab, kasih sayang		
Cadangan PdPc					
1. Guru menerangkan kepada murid tentang kegiatan manusia yang membawa kesan terhadap cuaca dan iklim di Malaysia. 2. Guru menjelaskan dengan contoh pengaruh kegiatan perindustrian, penebangan hutan dan pembakaran hutan, pembakaran bahan api fosil serta pembakaran secara terbuka terhadap cuaca dan iklim. 3. Guru menunjukkan foto-foto kegiatan manusia yang membawa kesan terhadap cuaca dan iklim. 4. Murid menjawab soalan 8, soalan 9, soalan 10 dan soalan 11 dalam buku Power Up Geografi halaman 36 dan 37. 5. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 6. Setiap kumpulan menjalankan sumbang saran tentang perkaitan antara kegiatan manusia dengan cuaca dan iklim. 7. Guru memberikan lembaran kerja yang mengandungi peta pelbagai alir. 8. Setiap kumpulan melantik seorang pengerusi untuk menjalankan aktiviti sebab akibat dalam lembaran kerja yang disediakan. 9. Wakil kumpulan membentangkan hasil kerja kumpulan. 10. Guru membuat rumusan di akhir pembentangan.					
Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)					
2.2 Cuaca dan Iklim di Malaysia	2.2.5 Merumuskan perubahan cuaca dan iklim di Malaysia	Buku Teks m.s 62-68	Soalan 12 Soalan 13	TP6	38
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, peta dunia		Gallery Tour	Menilai, mencipta		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
TMK, kelestarian alam sekitar		Peta buih	Bertanggungjawab		
Cadangan PdPc					
1. Guru bertanya kepada murid tentang perubahan cuaca dan iklim yang dirasakan di Malaysia. 2. Guru berbincang dengan murid tentang fenomena El Nino dan La Nina. 3. Guru menerangkan pembentukan El Nino dan La Nina berpandukan peta. 4. Guru bertanya kepada murid tentang kesan El Nino dan La Nina terhadap alam sekitar dan kegiatan manusia di Malaysia. 5. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 6. Setiap kumpulan membincangkan kesan perubahan cuaca dan iklim di Malaysia serta langkah-langkah untuk mengurangkan kesan tersebut. 7. Idea setiap ahli kumplan dicatat di atas kertas sebak. 8. Hasil kerja kumpulan ditampal di atas meja untuk kumpulan lain melihat dan membacanya. 9. Kumpulan asal meletakkan pensel dan kertas di atas meja supaya kumpulan yang datang melawat boleh memberikan komen atau pengukuhan berkaitan hasil kerja mereka. 10. Setiap kumpulan bergerak secara pasukan untuk melihat hasil kerja kumpulan lain. 11. Setelah kembali kepada kumpulan asal, murid menceritakan pembelajaran yang diperolehi. 12. Murid menjawab soalan 12 dan soalan 13 dalam buku Power Up Geografi halaman 38.					